



PKNS
PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR
(SELANGOR STATE DEVELOPMENT CORPORATION)

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor** yang mempunyai **Sijil Perolehan Kerja Kerajaan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam **Gred, Kategori dan Pengkhususan** yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja-kerja berikut:-

BUTIR-BUTIR TAWARAN	SYARAT PENDAFTARAN	TEMPAT DAN TARIKH DOKUMEN DIJUAL	TARIKH TENDER DITUTUP
TAJUK PROJEK CADANGAN MEMBINA PERUMAHAN YANG MENDUNGHI: 137 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (20'X75'), 8 UNIT RUMAH TERES 2 TINGKAT (23'X75') DAN 1 UNIT PENCAWANG ELEKTRIK DI PERSIARAN CYBER VALLEY 3, LOT 120188, SELANGOR CYBER VALLEY, MUKIM DENGKIL, DAERAH SEPANG, SELANGOR DARUL EHSAN No. Kontrak PKNS/SCV-RL/SK6/KON-2/2023	CIDB: Gred G7 Kategori CE & B Pengkhususan CE21 & B04	Bahagian Perolehan, Tingkat 2, Blok D, Ibu Pejabat PKNS, No. 2, Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, Shah Alam, Selangor. Pada: 11 JUN 2025 (RABU) Hingga 17 JUN 2025 (SELASA) Jam: 9:00 Pagi - 4:00 Petang	1 JULAI 2025 (SELASA) Jam 12:00 Tengah hari

- Keutamaan diberikan sekiranya petender/syarikat memiliki pensijilan dan pengalaman kerja seperti yang disenaraikan di bawah:-
 - Sistem Pengurusan Kualiti (MS ISO 9001:2015)
 - Sistem Pengurusan Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (MS ISO 45001:2018)
 - Sistem Pengurusan Alam Sekitar (MS ISO 14001:2015)(Salinan sijil atau apa jua bukti hendaklah dikemukakan bersama dokumen tender/tawaran)
- Syarikat yang berminat juga wajib memenuhi kriteria kelayakan seperti berikut:
 - Mempunyai Modal Kewangan sekurang-kurangnya sebanyak **RM7,000,000.00 (Ringgit Malaysia: Tujuh Juta Sahaja)**.
 - Mempunyai pengalaman bagi kerja-kerja **bangunan atau kerja-kerja sebanding**.
 - Status syarikat tidak disenarai hitam atau dikenakan **Tindakan Tatatertib oleh CIDB Malaysia**.
 - Mempunyai sijil **SCORE CIDB** dengan minimum **3 Bintang** dan masih berkuatkuasa melebihi tiga (3) bulan dari tarikh tutup tender.
- Dokumen Tender akan dijual (*Pendrive softcopy*) pada harga **RM500.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Sahaja)** (bayaran ini tidak akan dikembalikan). Bayaran pembelian Dokumen Tender boleh dibuat seperti berikut:-
 - Melalui **Kad Debit** atau **Kad Kredit** di **Kaunter Pembayaran di Tingkat Bawah, Blok B, Ibu Pejabat PKNS Shah Alam** dan mendapatkan resit pembayaran sebelum hadir ke Bahagian Perolehan untuk membeli Dokumen Tender.
- Naskhah Dokumen Meja Tawaran boleh disemak di Bahagian Perolehan, Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor pada waktu pejabat bermula **11 JUN 2025**.
- Dokumen Tender akan dikeluarkan kepada Syarikat atau wakil yang sah sahaja. Sekiranya pihak Syarikat ingin menghantar wakil, sila bawa bersama surat perwakilan kuasa. Syarikat dikehendaki membawa **SURAT PERWAKILAN KUASA, DOKUMEN ASAL PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR DAN SIJIL PEROLEHAN KERJA KERAJAAN (SPKK) DARI LEMBAGA PEMBANGUNAN INDUSTRI PEMBINAAN MALAYSIA (CIDB)** (sekiranya ada), **SIJIL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (PKK)** (sekiranya ada) serta **WAJIB** membawa **SATU SALINAN** bagi setiap Sijil-Sijil tersebut semasa membeli Dokumen Tender.
- Petender dinasihatkan untuk membaca dengan teliti **Senarai Semak dan Perakuan Tender** di dalam Dokumen Tender dan memahami kehendak Dokumen Tender sebelum mengemukakan Dokumen Tender.
- Dokumen Tawaran Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat bermeteri dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di alamat:-

**BAHAGIAN PEROLEHAN,
TINGKAT 2, BLOK D, BANGUNAN IBU PEJABAT PKNS,
NO. 2, JALAN INDAH 14/8, SEKSYEN 14,
40000 SHAH ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN**

No. Tel: 03-5525 0300

<http://etender.pkns.gov.my>

- Tender yang diterima selepas tarikh dan waktu tutup tidak akan dilayan. Perbadanan tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran lain.

Size: 27cm x 4cols _ BH/NST


JASLIHA BINTI JALAL
Pembantu Pengurusan Kanan
Bahagian Perolehan
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor